



ISYAM SWARDY DAUD

LATAR BELAKANG

Beliau merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Seni Persembahan Muzik di Akademi Seni Kebangsaan (ASK) yang kini dikenali sebagai ASWARA pada tahun 2001. Beliau turut memiliki kelulusan di dalam *The Associated Board Of The Royal Schools Of Music (ABRSM) Theory (Grade 5)* pada tahun 1998.

Beliau yang berasal dari Kelantan merupakan pemain gitar di dalam pelbagai bentuk permainan dan stail dan beliau juga merupakan seorang pemuzik dan Pengarah Muzik yang dikenali di Malaysia. Beliau telah bergiat aktif sebagai Pemuzik di dalam Muzik Tradisional Wayang Kulit, Makyung yang merupakan Teater Tradisional Malaysia, Gamelan, dan Caklempong.

Beliau juga banyak menjalankan kerjasama dengan artis dari dalam dan luar negara. Kebolehan, dedikasi dan minat beliau yang mendalam terhadap bidang muzik mendorong beliau untuk menceburi bidang akademik sebagai Pensyarah dan menurunkan ilmu pengetahuan beliau yang meluas di dalam bidang muzik kepada generasi muda.

PENCAPAIAN

Beliau mempunyai pengalaman kerja yang meluas seperti menjadi tenaga pengajar di *Guitar Collection*, tenaga pengajar di *JS Music Company*, Pensyarah Sambilan di Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaya (UM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Pengarah Muzik, Pemuzik Orkestra, *Demonstrator* dan Juri Undangan di Radio Televisyen Malaysia (RTM) bagi Persembahan Secara Langsung dan sesi Studio. Beliau juga terlibat Pentaksir Peperiksaan Tingkatan Tiga (PT3).

Beliau telah membuat persembahan di dalam dan luar negara seperti New York, Spain, Venice, Japan, Scotland, Hong Kong, Taiwan, Seoul, Indonesia, Singapura, Brunei, Filipina dan banyak lagi.

Beliau kini bertugas sebagai Pensyarah dan Ketua Program bagi Persembahan di Fakulti Muzik ASWARA.